

# Naib Canselor UMS terima Anugerah Buku Negara 2014

UB 12-12-2014 A2

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah hari ini diumumkan sebagai pemenang anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Teknikal) pada Majlis Anugerah Buku Negara 2014.

UMS dalam satu kenyataan berkata anugerah tersebut diterjemahkan melalui buku tulisan beliau yang bertajuk 'Principles in Water Analysis for Environmental Science' yang diterbitkan Penerbit UMS.

Majlis penyampaian anugerah disampaikan mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi pada majlis yang berlangsung di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Buku yang mempunyai ketebalan sebanyak 83 muka surat itu adalah berkisarkan tentang prinsip-prinsip pengukuran dan analisis makmal serta prosedur asas menjalankan pelbagai ujian yang memfokuskan beberapa parameter kualiti air.

Pada majlis itu, sebuah lagi buku UMS turut diumumkan sebagai pemenang anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Sains) melalui buku bertajuk 'Atmosphere and Ocean: An Introduction to Marine Science'.

Buku terbitan Penerbit UMS itu dihasilkan kumpulan pensyarah dan penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS yang terdiri daripada iaitu Than H. Aung, Madiyah Jafar Sidik, Dr. Ejria Saleh dan Muhammad Ali S. Hussein. -Bernama